

HUBUNGAN CABARAN GURU BUKAN OPSYEN, KURIKULUM DAN IKLIM SEKOLAH DALAM PENGAJARAN BAHASA ARAB DI BEBERAPA SEKOLAH RENDAH AGAMA JAIS DAERAH HULU LANGAT SELANGOR

Haslina binti Hamzah, Noor Shamshinar Zakaria, Mohd Izzuddin Mohd Pisol,
Julia binti Madzalan & Mohd Salihin Hafizi Mohd Fauzi

haslina@kuis.edu.my, shamshinar@kuis.edu.my, mohdizzuddin@kuis.edu.my, julia@kuis.edu.my, salihinhafizi@kuis.edu.my

Abstrak

Kertas kerja ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan cabaran antara guru sendiri, kurikulum dan iklim sekolah. Jumlah sampel kajian ini seramai 142 orang responden yang melibatkan guru pendidikan Islam bukan opsyen bahasa Arab yang mengajar bahasa Arab di sekolah rendah agama di daerah Hulu Langat. Dapatan kajian ini diperolehi menggunakan kaedah tinjauan (survey) yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Analisis Kolerasi Pearson r menunjukkan hubungan yang tinggi antara cabaran guru sendiri dengan cabaran kurikulum. Manakala cabaran guru sendiri dengan cabaran iklim sekolah menunjukkan hubungan yang tinggi. Selain itu, hubungan antara cabaran kurikulum dan iklim sekolah menunjukkan hubungan yang sangat tinggi. Hasil kajian ini menunjukkan bahasa guru pendidikan Islam bukan opsyen bahasa Arab mempunyai hubungan cabaran dari segi guru sendiri, kurikulum dan iklim sekolah. Hasil kajian ini diharapkan akan memberikan cadangan tindakan yang perlu dilakukan oleh guru Pendidikan Islam dan institusi yang terlibat dalam melatih guru bukan opsyen Bahasa Arab bagi mengajar mata pelajaran ini walaupun Bahasa Arab bukan opsyen guru tersebut.

Kata kunci : Hubungan, Guru Bukan Opsyen, Pengajaran Bahasa Arab

1.0 PENDAHULUAN

Di dalam bidang pendidikan terdapat dua kategori guru berdasarkan kepada kelayakan ikhtisas. Guru yang mendapat latihan ikhtisas dalam bidang tertentu dan mengajar subjek berkaitan dikenali sebagai “guru mengikut opsyen” manakala guru yang mengajar subjek berlainan daripada kelayakan ikhtisas dikenali sebagai “guru bukan opsyen”. Dewasa ini, kualiti pengajaran guru amat diutamakan kerana keperluan semasa dalam sektor pendidikan semakin hari semakin berkembang selari dengan teknologi. Berdasarkan kajian terkini oleh Nazri Atoh et. al. (2014) menegaskan bahawa guru bahasa Arab yang berkualiti adalah guru di dalam opsyen bahasa Arab itu sendiri. Ini menunjukkan betapa pentingnya guru yang mengajar bahasa Arab adalah di kalangan mereka yang mendapat latihan khusus dalam bahasa Arab.

Dalam pengajaran bahasa, bahasa memainkan peranan penting sebagai alat komunikasi dan perantara manusia. Ahmad Kilani (2001) menyatakan bahawa bahasa adalah alat komunikasi antara manusia. Bahasa pertuturan seharian digunakan di sekolah sebagai alat komunikasi. Justeru, bahasa amat berpengaruh dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam bilik darjah dengan berlakunya interaksi sosial antara guru dan pelajar. Hal ini kerana guru-guru berinteraksi dengan murid secara individu hampir setiap hari (Abdul Rasid Jamian et. al. 2014).

Bahasa Arab adalah bahasa ketiga di Malaysia dan kerajaan tidak pernah mengabaikan kepentingan bahasa tersebut dalam membangunkan masyarakat di samping kepesatan pembangunan yang semakin pesat. Malah, kedutaan Amerika Syarikat juga telah menegaskan bahawa para pelajar dari Amerika Syarikat turut mempelajari bahasa Arab selain bahasa-bahasa lazim yang perlu dipelajari (Portal berita kedutaan Amerika Syarikat-Malaysia). Justeru tidak hairan bahawa kerajaan Malaysia mengambil pelbagai inisiatif bagi meningkatkan kesedaran pelajar Malaysia berkenaan bahasa Arab.

Cuma timbul persoalan berkenaan cabaran guru yang mengajar bahasa Arab dalam kalangan guru pendidikan Islam atau guru yang bukan opsyen serta cabaran pelajar dalam memahami secara mendalam hasil pengajaran guru tersebut. Hal ini timbul kerana pelbagai maklum balas yang diperolehi melalui kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa para guru pendidikan Islam terbeban dengan tugas pengajaran bahasa Arab khususnya dari sudut bebanan penguasaan ilmu bahasa Arab yang baik serta teknik pengajaran dan komunikasi bahasa Arab dalam kelas kerana kebanyakan guru tersebut hanya mempunyai pengetahuan asas tetapi tidak secara mendalam. Maka kesan yang lebih parah adalah kepada pelajar sehingga menyebabkan kekeliruan dan luntur minat dalam mempelajari bahasa Arab tersebut.

Isu mengenai sebahagian pelajar yang menyatakan perasaan tidak minat terhadap bahasa Arab kerana beranggapan bahasa Arab susah untuk dipelajari merupakan satu isu yang juga berkaitan dengan

pengajaran guru. Walaupun terdapat kajian-kajian yang menunjukkan kelemahan pelajar dalam bahasa Arab adalah disebabkan mereka sendiri sepertimana menurut Mohd. Zaini (2012), Abdul Aziz Musa (1998), Che Kamarudin Kamel Che Muhammad (1999), Abdul Ghani Md Hassan (1999) dan Mohd Fazli Ismail & Mohd Sukki (2012), tetapi jika dilihat mengenai pengajaran guru masih terdapat sebilangan guru tidak melaksanakan pengajaran dengan baik seperti penggunaan kaedah pengajaran yang tidak sesuai, laras bahasa yang digunakan oleh guru terlalu tinggi dan terdapat juga guru yang mengajar subjek bahasa Arab bukan dalam kalangan guru bahasa Arab. Menurut kajian yang dilakukan oleh Zawawi Ismail et. al. (2011) mendapati guru hanya menggunakan beberapa teknik sahaja dalam pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab seperti teknik soal jawab, dengar ulang, korus, prosa dan dialog. Penggunaan teknik yang hanya berfokus kepada beberapa teknik sahaja akan mengganggu keberkesanan kerana setiap teknik yang digunakan mempunyai kekuatan dan kelemahan. Sekiranya tumpuan diberikan kepada teknik tertentu maka kelemahan teknik ini perlu ditampung dengan menggunakan teknik yang lain. Penggunaan teknik yang pelbagai akan menyediakan peluang yang lebih baik untuk pelajar menguasai kemahiran bertutur bahasa Arab kerana setiap pelajar mempunyai keserasian tertentu dan kemampuan yang pelbagai. Oleh itu dapatan ini secara jelas menunjukkan sikap guru dan amalan guru dalam proses PdP tidak mengikuti pendekatan dan teknik yang sesuai.

Tidak dinafikan mengajarkan sesuatu bahasa asing mempunyai kesukaran dan kesulitan dalam proses pembelajaran dan pengajarannya (Baharuddin & Shahman, 2012) kerana ia bukan bahasa bagi penutur jati. Namun, kesukaran dan kesulitan ini dapat diatasi sekiranya guru bahasa Arab tahu tentang kemahiran-kemahiran yang sepatutnya dilaksanakan ketika proses PdP.

Kajian Mohd Zaini bin Sejo (2012) membuktikan bahawa prestasi pelajar terhadap penguasaan bahasa Arab semakin merosot. Kajian lain memperincikan bahawa kemerosotan prestasi tersebut adalah berpunca daripada kelemahan penguasaan bahasa arab serta pengetahuan asas bahasa (Abdul Aziz Musa, 1998 dan Abdul Ghani Md Hassan, 1999). Dalam kajian Nik Mohd Rahimi, kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan respondennya berada pada tahap sederhana. Kajian tinjauan yang dilakukan terhadap para pelajar yang telah menamatkan persekolahan mereka mendapati bahawa tahap penguasaan kemahiran-kemahiran bahasa Arab mereka adalah lemah (Ishak, 1992). Hal ini membuktikan bahawa cabaran guru dalam mengajar bahasa Arab adalah sangat besar sekaligus menunjukkan bahawa sistem pendidikan memerlukan seorang guru yang pakar mengajar bahasa Arab supaya dapat melahirkan pelajar yang mempunyai keupayaan menguasai bahasa Arab yang baik dari peringkat rendah sehingga ke peringkat yang lebih tinggi.

2.0 PENYATAAN MASALAH

Pendidikan merupakan proses membolehkan seseorang individu memperolehi dan menggunakan ilmu pengetahuan, nilai-nilai murni dan kemahiran-kemahiran tertentu secara berterusan. Justeru, guru pada hari ini memainkan peranan penting sebagai agen perubahan yang mendidik dan melahirkan generasi yang akan datang. Mereka telah diamanahkan dengan tanggungjawab untuk menyediakan pendidikan berkualiti dengan mewujudkan pengajaran yang berkesan agar maklumat yang disampaikan adalah bermakna bagi pelajar, menarik minat serta mudah bagi mereka mengingat dan mengaplikasikan apa yang dipelajari. Menurut Ibrahim Mamat (1998), guru-guru dikehendaki menggunakan pengetahuan dan kaedah yang relevan untuk mencapai objektif pengajarannya. Guru-guru tidak harus terikut-ikut lagi dengan cara dan kaedah pengajaran yang lampau seperti cara pengajaran dan pembelajaran tradisional yang menggunakan kapur dan bercakap serta bergantung hanya kepada buku teks yang tidak lagi menjamin keberkesanan apatah lagi sebagai kaedah untuk menguji dan mencabar keupayaan pemikiran, kebolehan dan daya imaginasi pelajar pada zaman siber ini.

Sebagai seorang guru, banyak amalan perlu dilakukan agar PdP di dalam kelas menjadi berkesan dan bermakna kepada pelajar. Suasana PdP akan menjadi hambar dan tidak bermakna kepada pelajar sekiranya mutu pengajaran guru tidak berada pada tahap yang memuaskan. Oleh itu, guru dan pengajaran yang berkesan sangat penting untuk mendapatkan pembelajaran yang baik (Noor Hisham Md Nawi, 2011). Kenyataan ini turut dipersetujui oleh Isjoni (2005), yang menyatakan proses PdP adalah satu keterampilan, kemampuan dan sikap penyampaian bahan pengajaran oleh guru dalam menyusun perkataan yang baik dengan aturan nada suara dan intonasi yang sesuai di dalam bilik darjah yang bertujuan membantu dalam penyampaian guru kepada pelajar. Sememangnya minat dan semangat positif guru dapat menarik perhatian pelajar dengan menggunakan pelbagai teknik dan kemahiran.

Isu mengenai sebahagian pelajar yang menyatakan perasaan tidak minat terhadap bahasa Arab kerana beranggapan bahasa Arab susah untuk dipelajari merupakan satu isu yang juga berkaitan dengan

pengajaran guru. Walaupun terdapat kajian-kajian yang menunjukkan kelemahan pelajar dalam bahasa Arab adalah disebabkan mereka sendiri sepertimana menurut Mohd. Zaini (2012), Abdul Aziz Musa (1998), Che Kamarudin Kamel Che Muhammad (1999), Abdul Ghani Md Hassan (1999) dan Mohd Fazli Ismail & Mohd Sukki (2012), tetapi jika dilihat mengenai pengajaran guru masih terdapat sebilangan guru tidak melaksanakan pengajaran dengan baik seperti penggunaan kaedah pengajaran yang tidak sesuai, laras bahasa yang digunakan oleh guru terlalu tinggi dan terdapat juga guru yang mengajar subjek bahasa Arab bukan dalam kalangan guru bahasa Arab.

Justeru, guru adalah penentu kejayaan atau kegagalan kegiatan pembelajaran manakala kejayaan para pelajar pula ditentukan oleh kemampuan dan ketrampilan guru dalam suatu pertemuan di dalam bilik darjah. Ini bermakna melalui penguasaan ilmu dan kemahiran yang baik, maka sesi pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih berkesan. Pernyataan ini menunjukkan kepentingan penguasaan ilmu bahasa Arab dan pengajaran bahasa Arab yang berkesan dalam kalangan guru Pendidikan Islam kerana ia sekaligus akan meningkatkan motivasi para pelajar untuk menumpukan sepenuh perhatian serta menjadi lebih terbuka dalam menerima matapelajaran yang diajar. Tahap keterlibatan para pelajar juga akan lebih meningkat seiring dengan ketrampilan guru yang jelas terlihat dengan penguasaan ilmu dan kemahiran pengajaran ketika mengajar subjek tersebut.

Namun demikian, berdasarkan pengalaman pengkaji melaksanakan pemantauan dan penyeliaan latihan mengajar di SRA mendapati bahawa masih ramai dari kalangan guru yang mengajar bahasa Arab bukan di dalam opsyen bahasa Arab. Ini kerana boleh dilihat dari aspek cabaran guru dengan kurikulum pengajaran bahasa arab dan iklim sekolah.

3.0 OBJEKTIF

Kajian ini membincangkan 3 objektif iaitu :

- a) Mengenal pasti hubungan diantara cabara guru dengan cabaran kurikulum dalam pengajaran bahasa arab.
- b) Mengenalpasti hubungan antara cabaran guru dengan cabaran iklim sekolah dalam pengajaran bahasa arab.
- c) Mengenalpasti hubungan antara m dcabaran kurikulum dengan cabaran iklim sekolah dalam pengajaran bahasa arab.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah penyelidikan berbentuk kuantitatif dengan satu set borang soal selidik disediakan untuk memperoleh data kajian. Kajian ini melibatkan kuantiti responden yang ramai dan amat bersesuaian menggunakan bentuk kajian kuantitatif bagi mendapatkan data. Hal ini bertepatan dengan pendapat Ary dan Jacobs (1990) yang menyatakan bahawa kebaikan menggunakan kaedah soal selidik adalah melibatkan responden yang ramai, lebih luas dan menyeluruh.

Kajian ini menggunakan proses pengumpulan data menggunakan persampelan rawak mudah berdasarkan kepada Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970). Menurut Mohd Majid (2005), persampelan rawak mudah menghendaki setiap individu mempunyai peluang yang sama untuk diambil atau digunakan sebagai sampel. Selain itu, persampelan rawak mudah sesuai dilakukan sekiranya populasi yang dikaji mempunyai ciri-ciri yang seragam. Berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970) tersebut, jumlah responden yang perlu diambil saiz sampel sebanyak 142 orang.

Dapatan kajian yang diperolehi turut dianalisis menggunakan perisian Statistical Package of Social Science (SPSS) menggunakan kaedah analisis inferensi hubungan kolerasi. Pengkaji memilih skala Alias Baba (1997) berkaitan anggaran kekuatan hubungan yang wujud antara pembolehubah yang dikaji. Jadual dibawah menerangkan interpretasi bagi skala pekali kolerasi yang digunakan dalam kajian ini. Pekali kolerasi Pearson digunakan untuk meramal kekuatan hubungan antara dua pembolehubah. Pemboleh ubah yang mempunyai kolerasi di antara satu sama lain akan menunjukkan nilai skor yang saling berkaitan. Dalam kajian ini, Kolerasi Pearson digunakan untuk melihat: i.) Hubungan antara amalan pengajaran guru dengan kesediaan guru dalam menggunakan bahan bantu mengajar bahasa Arab. Anggaran kekuatan perhubungan antara 2 pemboleh ubah mengikut Alias Baba (1997) adalah seperti berikut:

Kekuatan Perhubungan Kolerasi

Pekali Kolerasi, r	Kekuatan hubungan
Hingga 0.20	Lemah
0.21 hingga 0.40	Rendah
0.41 hingga 0.60	Sederhana
0.61 hingga 0.80	Tinggi
0.81 hingga 1.00	Sangat tinggi

Sumber: Alias Baba (1997)

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dalam kajian ini membincangkan 3 objektif iaitu :

5.1 Hubungan Antara Cabaran Guru Dengan Cabaran Kurikulum Dalam Pengajaran Bahasa Arab

Jadual 1 : Hubungan Antara Cabara Guru Dengan Cabaran Kurikulum Dalam Pengajaran Bahasa Arab

Pemboleh ubah	Cabaran kurikulum sig. (□)	
Guru sendiri	R = 0.791	P = 0.00*

**korelasi adalah signifikan pada nilai 0.00

Jadual 1 menunjukkan pekali korelasi Pearson antara pemboleh ubah hubungan antara cabaran guru sendiri dengan kurikulum iaitu $r = 0.791$, $p = 0.00$ ($p < 0.05$). Nilai r menunjukkan pekali korelasi seca secara positif yang mempunyai hubungan yang tinggi. Oleh itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan hubungan antara cabaran guru sendiri dengan cabaran kurikulum guru dalam pengajaran bahasa Arab. Ini kerana majoriti guru pendidikan islam mempunyai cabaran dalam melaksanakan kurikulum bahasa arab di sekolah. Selain itu mereka juga mempunyai masalah sukar mendapatkan rujukan melalui pengaksesan internet dalam pengajaran bahasa Arab. Menurut Ab Halim (2013), guru perlu mempelajari kaedah dan teknik penyediaan bahan bantuan mengajar bagi memastikan pelajar berminat untuk mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam seperti penggunaan komputer dalam pembelajaran,

Dari aspek isi kandungan kurikulum, guru pendidikan islam tidak menghadapi masalah terhadap isi kandungan kurikulum bahasa arab kerana kurikulum pengajraan dibekalkan bersesuaian dengan tahap penguasaan murid selain reka bentuk buku teks bahasa arab bagi memudahkan guru dalam proses PNP. Menurut Mohd Aderi & Rohani (2009) penguasaan isi kandungan pengajaran amat penting supaya ia dapat diterjemahkan mengikut keupayaan pemikiran pelajar kerana satu-satu pendekatan yang digunakan tidak dianggap sebagai yang terbaik untuk digunakan kepada pelajar dalam semua keadaan.

5.2 Hubungan Antara Cabaran Guru Dengan Cabaran Iklim Sekolah Dalam Pengajaran Bahasa Arab

Jadual 2 : Hubungan Antara Cabaran Guru Dengan Cabaran Iklim Sekolah Dalam Pengajaran Bahasa Arab

Pemboleh ubah	Cabaran iklim sekolah sig. (□)	
Guru sendiri	R = 0.665	P = 0.00*

**korelasi adalah signifikan pada nilai 0.00

Jadual 2 menunjukkan pekali korelasi Pearson antara pemboleh ubah hubungan antara cabaran guru sendiri dengan cabaran iklim sekolah memperolehi nilai r iaitu $= 0.665$, $p = 0.00$ ($p < 0.05$). Nilai r menunjukkan pekali korelasi seca secara positif yang mempunyai hubungan yang tinggi. Oleh itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan hubungan antara cabaran guru sendiri dengan cabaran iklim sekolah dalam pengajaran bahasa Arab. Ini kerana Faktor iklim sekolah merupakan satu faktor yang turut membantu mewujudkan guru Pendidikan Islam yang akan sentiasa berusaha ke arah menambahkan kemajuan diri termasuklah dalam pengajaran bahasa Arab di sekolah mereka. Pihak pengurusan sekolah hendaklah berusaha mewujudkan budaya sekolah yang menghidupkan dan bermotivasi supaya warga sekolah merasa sentiasa ingin berbakti dan berusaha untuk maju dalam

pelajaran dan kerjaya berdasarkan dorongan yang lebih tinggi, iaitu mencari keredhaan Allah S.W.T. dan bukan sekadar untuk menggembarakan atau menjaga nama baik dan prestasi sekolah.

Howard (1974), mendefinisikan iklim sekolah sebagai keadaan sosial dan budaya sekolah itu yang mempengaruhi tingkah laku orang di dalamnya. Sekiranya iklim di sekolah dapat diwujudkan semaksima yang mungkin, hal ini membantu guru dalam mengajar bahasa Arab dengan lebih baik serta dapat memberi manfaat kepada guru menggunakan ruang dalam kelas dengan mengadakan aktiviti berbahasa.

5.3 Hubungan Antara Cabaran Kurikulum dengan Cabaran Iklim Sekolah Dalam Pengajaran Bahasa Arab

Jadual 3 : Hubungan Antara Cabaran Kurikulum dengan Cabaran Iklim Sekolah Dalam Pengajaran Bahasa Arab

Pemboleh ubah	Cabaran iklim sekolah sig. (□)
Kurikulum	R = 0.802 P = 0.00*

**korelasi adalah signifikan pada nilai 0.00

Jadual 3 menunjukkan pekali korelasi Pearson antara pemboleh ubah hubungan antara cabaran kurikulum dengan cabaran iklim sekolah memperolehi nilai r iaitu $r = 0.802$, $p = 0.00$ ($p < 0.05$). Nilai r menunjukkan pekali korelasi secara positif yang mempunyai hubungan yang tinggi. Oleh itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan hubungan antara cabaran kurikulum dengan cabaran iklim sekolah dalam pengajaran bahasa Arab.

Penggunaan kurikulum ini yang dilaksanakan secara menyeluruh kepada semua peringkat pelajar sama ada yang cemerlang ataupun lemah dalam pelajaran mereka adalah tidak sesuai. Hal ini menyebabkan pelajar yang lemah dalam pelajaran tidak dapat mengikut proses pengajaran dan pembelajaran jika iklim sekolah tidak berkesan. Iklim sekolah yang berkesan terhasil apabila suasana sekolah aman, cantik, selamat dan cukup ruang untuk belajar (Shahril, 1997). Pandangan ini turut dipersetujui oleh Ab Halim (2013) yang menambah persekitaran yang baik seperti keadaan kelas yang kondusif perlu diambil perhatian. Malah, Kementerian Pelajaran Malaysia (2002) telah turut menggalakkan penglibatan yang aktif dalam pengajaran dan pembelajaran serta perkongsiaan idea antara guru dan pelajar.

6.0 KESIMPULAN

Peranan secara menyeluruh dari segenap aspek khususnya pengkaji sendiri serta pihak yang terlibat perlu mempertingkatkan usaha memantapkan pengajaran guru dalam bahasa Arab. Oleh itu usaha yang dicadangkan merupakan satu inisiatif yang perlu diambil bagi membendung masalah penguasaan bahasa arab khususnya pelajar guru dan masyarakat.

Dalam kajian Ab Halim (2013) telah menyarankan pihak pengurusan sekolah perlu menyediakan bahan bantuan mengajar yang mencukupi kepada guru-guru bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar. Pelbagai perkara dapat dijadikan sebagai bahan bantu mengajar kerana tujuannya memudahkan pelajar memahami proses pengajaran.

Oleh yang demikian, hasil perbincangan diharapkan dapat menerangkan dapatan kajian dengan jelas berkaitan isu yang berlaku. Justeru, cadangan yang ditampilkan adalah hasil penelitian serta mengambil kira pandangan responden dan pengkaji-pengkaji lain berkenaan pengajaran bahasa Arab khususnya terhadap guru bukan opsyen.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Kamarulzaman Abdul Ghani, Rosli Mokhtar, Zetty Nurzuliana Rashed, Mohd Asmadi Mustakim & Zetty Nurakmal Azura bt. Rashed. (2013). Penilaian pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kurikulum Pendidikan Islam Bahagian Pendidikan Islam (JAIS) di sekolah rendah agama negeri Selangor. *Jurnal Pusat Pengurusan dan Penyelidikan. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*. 1- 35.
- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2 (2) : 45-57.
- Alias Baba (1997). *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Kilani Mohamed. (2001). *Teori pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama di Malaysia*. Skudai: UTM.

- Drs. H. Isjoni, M.Si. (2005). *Citra Guru Antara Tuntutan Dan Pengabdian*. Pekan Baru.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 596-608
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2000). Tahap kemahiran bertutur bahasa arab antara jantina, latar belakang keluarga, tahap minat dan pencapaian dalam peperiksaan. *Jurnal Pendidikan*, 24, 141-154.
- Nazri Atoh et. al. (2014). Guru bahasa Arab yang berkualiti: Satu Tinjauan Awal. *Prosiding Semidar Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014*
- Zawawi Ismai et. al. (2011). Teknik pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab di SMKA di Malaysia, *Gema Online™ Journal Of Language Studies*, Volume 11(2) May 2011 ISSN: 1675-8021